

18/10/2001

Dunia mula iktiraf pandangan Dr M

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin utama dunia yang menghubungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapatkan pandangannya mengenai isu perang di Afghanistan, jelas menunjukkan kekuatan Perdana Menteri dan Malaysia yang agak berpengaruh di arena antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata oleh itu sokongan padu rakyat terhadap pendirian Malaysia mengenai serangan itu juga penting.

"Jika mereka (pemimpin dunia) menghubungi Dr Mahathir bagi meminta pendiriannya serta penjelasan, maka saya anggap sokongan rakyat (tempatan) mestilah terus diberi.

"Ini supaya kekuatan Perdana Menteri itu akan menjadi faktor penting yang akan diambil kira oleh mana-mana negara lain apabila mereka ingin mengetahui, berhubung atau ingin bekerjasama dengan kita mengenai isu ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai tindakan pihak tertentu terutama Pas yang ingin terus mengadakan demonstrasi di Kedutaan Amerika Syarikat di sini bagi membantah serangan ke atas Afghanistan, Jumaat ini.

Kelmarin, Perdana Menteri Britain, Tony Blair, menelefon Dr Mahathir bagi mendapatkan bantuan Malaysia membantu menangani konflik di Afghanistan dan isu Palestin.

Sebelum ini, Presiden Amerika, George W Bush dan Presiden Iran, Mohammad Khatami turut menghubungi Perdana Menteri. Bush antara lain melahirkan penghargaan kepada Malaysia kerana sokongannya terhadap tindakan Amerika memerangi keganasan, manakala Khatami mahukan kalangan negara Islam menyatakan pendirian bersama bagi menentang keganasan selain tindakan dan penyelesaian secara global.

Malaysia menyokong serangan terhadap pengganas tetapi bukan peperangan yang menyebabkan ramai nyawa awam terkorban.

Abdullah berkata, langkah untuk mengadakan demokrasi adalah sia-sia dan apa yang penting sekarang ialah untuk rakyat memberi sokongan padu kepada kerajaan dalam pendirian terhadap peperangan itu.

Jumaat lalu, lebih 2,500 orang dipercayai penyokong Pas berhimpun di hadapan kedutaan Amerika di sini.

Katanya, apa yang perlu ialah supaya rakyat Malaysia menunjukkan ketegasan negara ini dalam menyokong tindakan yang akan diambil oleh kerajaan.

"Umpamanya, baru-baru ini Blair menghubungi Dr Mahathir, bercakap berkaitan serangan Amerika terhadap kubu Taliban di Afghanistan dan Dr Mahathir dapat memberi penerangan yang jelas kepada Blair mengenai pendirian kita.

"Blair pula dapat memberi keterangan dan penjelasan bahawa mereka tidak berniat untuk berperang dengan orang Islam. Jadi itu satu perkembangan yang amat baik iaitu sebuah negara yang kuat menyokong Amerika dalam hal ini yang menyatakan pendirian mereka bukan berniat untuk bermusuh dengan Islam.

"Itu penting. Jika kerajaan dalam hal ini tidak mendapat sokongan sepenuhnya, sentiasa ditekan atau rakyat berbalah dengan pendirian kerajaan, maka tidak ada makna bagi kita.

"Tetapi apabila pemimpin negara lain menghubungi kerajaan kita khususnya ketua kerajaan untuk mendengar pandangan dan memberi penjelasan, kita jadi

kuat, kita berpengaruh sebab pendirian yang kita ambil dalam hal ini adalah satu pendirian yang mendapat sokongan majoriti rakyat yang ada," katanya.

(END)